

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 APRIL 2017

Penglibatan komuniti setempat bantu lonjak pendidikan – PM

UM - 23/4/2017

PEKAN 22 April - Proses pembelajaran yang mendapat penglibatan secara aktif daripada komuniti setempat berupaya meningkatkan pencapaian dan penguasaan anak-anak dalam bidang pendidikan ke tahap lebih tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perkara itu dibuktikan menerusi kajian oleh sebuah pusat di Amerika Syarikat (AS) yang mendapati pelajar mendapat banyak manfaat sekiranya kumpulan komuniti turut terlibat dalam proses pembelajaran.

Manfaat itu kata beliau, termasuklah penurunan kadar ponteng sekolah, menyiapkan kerja sekolah dan pencapaian gred lebih baik dalam kalangan pelajar.

“Jika komuniti setempat menjadi pendukung yang padu dan kuat, percayalah penguasaan serta pencapaian pelajar dalam kalangan komuniti itu akan berada di tahap lebih tinggi.

“Inilah menjadi hasrat kita kerana pembangunan modal insan menjadi tiang seri kepada kejayaan negara, pengisian Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan usaha untuk menentukan setiap keluarga menikmati kehidupan lebih baik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Ibu Bapa dan Komuniti Parlimen Pekan dan Anugerah Kecemerlangan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang hadir sama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Seri Ishak Muhammad; Pengerusi Biro Pendidikan UMNO Bahagian Pekan, Datuk Ibrahim Awang Ismail dan Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd. Nawawi.

Najib berkata, jika dilihat dari sudut individu pula, seseorang itu tidak dapat menjana pendapatan lebih tinggi dan sering mengeluh dari segi tekanan kos sara hidup kerana salah satu faktornya adalah tahap pendidikan rendah.

“Sebab itu tahap pendidikan bukan sahaja bergantung kepada akademik tetapi teknikal dan vokasional turut dapat membantu menjana pendapatan lebih tinggi,” katanya.

Beliau turut memberikan contoh bagaimana seorang yang bekerja sebagai jurukimpal boleh menjana pendapatan lumayan setiap bulan kerana mempunyai kemahiran tinggi.

“Dia boleh bekerja dalam bidang minyak dan gas dengan syarikat subkontraktor Petronas dan mendapat gaji antara RM10,000 hingga RM15,000 sebulan. Ini contoh bagaimana kemahiran dapat membantu meningkatkan pendapatan,” katanya.